

18/07/2000

PNS buka rangkaian restoran Skylark

Nor Liza Ahmad

PERBADANAN Nasional Bhd (PNS), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) mengadakan usaha sama dengan Skylark Co Ltd dari Jepun untuk membuka rangkaian restoran Skylark di negara ini.

Menerusi perkongsian strategik itu, PNS memegang 85 peratus kepentingan dalam penubuhan syarikat Skyluck Restaurant Sdn Bhd untuk mengendalikan rangkaian restoran Skylark di Malaysia, manakala bakinya oleh Skylark Jepun.

Skylark adalah rangkaian restoran keluarga yang mengamalkan konsep dapur berpusat dengan pembangunan teknologi tinggi dalam penyediaan dan pemprosesan makanan. Kumpulan itu kini mempunyai lapan kemudahan dapur berpusat di Jepun.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata usaha sama berkenaan adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengembangkan teknologi pemprosesan makanan di negara ini.

"Minat negara untuk meneroka konsep restoran Skylark ini mula tercetus sejak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Jepun pada 1997. Beliau berpeluang melawat pengendalian dapur berpusat Skylark yang menggunakan kemudahan teknologi tinggi dalam memproses dan menyediakan makanan.

"Menerusi penggunaan teknologi tinggi, mutu makanan yang disediakan bukan saja baik malah boleh tahan lama di samping mampu mengekalkan rasanya," katanya selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian di antara Skyluck Restaurant dengan Skylark Co di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis, Skyluck Restaurant diwakili pengerusinya, Datuk Dr Abdullah Mohd Tahir, manakala Skylark Co oleh naib presidennya, Norio Yokokawa.

Rangkaian pertama restoran Skylark di Malaysia yang terletak di Bangsar akan memulakan operasi awal Oktober ini dan diikuti cawangan kedua di Bukit Bintang tahun depan.

Mohamed Nazri berkata, bagi peringkat permulaan, PNS memperuntukkan pelaburan sebanyak RM6 juta. Operasi restoran itu dijangka menjana jualan sebanyak RM1 juta setahun.

"Setakat ini PNS akan memberi tumpuan kepada dua rangkaian restoran dulu. Ini kerana kita perlu mengambil kira kedudukan lokasi strategik untuk memperluaskan cawangan baru," katanya.

Mengenai pemilihan Malaysia sebagai lokasi pelaburan Skylark, Yokokawa berkata langkah itu dibuat setelah mengambil kira pelbagai faktor yang antaranya termasuk minat untuk berkongsi kepakaran teknologi dalam industri makanan.

"Kami tertarik dengan pelawaan Dr Mahathir untuk melabur di Malaysia. Selain itu kami juga sudah biasa dengan persekitaran perniagaan di sini," katanya.

Mohamed Nazri berkata untuk jangka panjang, konsep perniagaan Skylark akan diperluaskan menerusi pembangunan kiosk.

"Sejajar dengan hasrat kementerian untuk mewujudkan lebih banyak penyertaan Bumiputera dalam industri francais, kami merancang memfrancaiskan konsep kios dan restoran kepada usahawan yang berpotensi," katanya.

Selain di Malaysia, rangkaian Skylark juga terdapat di Thailand, Taiwan dan Korea.

(END)